

# BERHARI RAYA DI INDONESIA MERDEKA - SATU UNTUK SEMUA

Lihatlah gambar-gambar di sini bagaimana ketua-ketua kerajaan Indonesia Merdeka yang bertuhan satu, berkerajaan satu dan berbahasa satu khusyuk dan tawaduk kepada khaliknya. Sungguhpun agama Islam belum diisytiharkan dengan rasmi tetapi negara Indonesia mempunyai Kementerian Agama Islam yang tunggal untuk mentadbir hal ehwal agama mereka itu tetapi betapakah halnya di Malaya? Jawabnya hal agama Islam telah dicuba orang yang berketurunan Islam menyerahkan kepada orang yang bukan Islam Si Ah Cheong dan Muthusamy pada hal mereka ada kuasa agama yang tetap di sini.

*Gambar kiri di atas menunjukkan sembahyang Hari Raya Aidilfitri di Tanah Lapang Banting Jakarta pada 5 Julai 1951 yang menjadi imamnya ialah Tuan Hamka. Di barisan hadapan dari kiri: Menteri Utusan Pakistan, Mr Muhammad Roem, Dr Sukima, Shamsul Rijal dan Lat seorangnya Mr Sarafuddin, Dr Hatta dan Mohammad Natsir*

*Gambar kiri tengah: Bekas Perdana Menteri Mohammad Natsir seorang alim dan juga ahli siasah yang sedang menjadi khatib yang berkhutbah pada Hari Raya itu.*

*Gambar kiri di bawah: Kaum ibu tidak mahu ketinggalan menyempurnakan sembahyang Eid yang disunatkan oleh Rasulullah.*

*Gambar di bawah: Wakil Perdana Presiden Dr Mohammad Hatta pada Julai 1951 mengadakan perjumpaan Hari Raya di rumahnya yang telah dihadiri oleh wakil-wakil luar negeri dari kiri: Dr Ahmad Subarjo, Menteri Luar, Sir Mirza Ismail Penasihat Tinggi U.N.O, Dr Mohammad Hatta dan Menteri Utusan Pakistan sedang bercakap-cakap sambutan-sambutan itu diadakan dengan tertib mengikut peraturan Islam dan jauh sekali disambut bersuka ria dengan joget dan minuman-minuman keras sehingga tak sedar diri dan ada yang dituduh di hadapan mahkamah kerana mabuk – Gambar-gambar Air Post.*



